

AKTIVITI FSKTM FEB 2016

- 1 Ceramah Understanding Mathematics In Research Read & Write, 1 Feb.
- 2 Bengkel Penyediaan Fail Pegajaran Dan Pembelajaran (PnP), SEM I Sesi 2015/2016 & Taklimat Berkaitan Akaun Research Gate, 3 Feb.
- 3 Perbincangan Kluster Penyelidikan di bawah SMC, 10 Feb.
- 4 Mesyuarat FSKTM Bil 1/2016, 14 Feb.
- 5 Temubual bersama pelajar alumni FSKTM, 14 Feb.
- 6 Taklimat Taksonomi Bloom & Bengkel Pemantapan Penyediaan RPP-04, CTOS Dan Analisis CQI FSKTM, 15 Feb.
- 7 CPRE-FL Training Course, MSTB, 15-17 Feb.
- 8 Roadshow PHI (Pejabat Hubungan Industri) ke FSKTM, 16 Feb.
- 9 Taklimat Dan Pendaftaran Kursus Pelajar Baharu Semester II Sesi 2015/2016, 17 Feb.
- 10 Program MUET Maraton, 21 Feb.
- 11 Taklimat iClone 3D Animation Competition 2016, 25 Feb.

“Understanding Mathematics In Research : Read & Write “ Bersama PM Dr Tutut Herawan (Universiti Malaya)



Seramai 30 orang peserta di kalangan staf akademik dan pelajar pascasiswazah FSKTM menyertai program ini.

AUDITORIUM FSKTM, 1 Feb 2016. Satu ceramah tentang “Understanding Mathematics In Research : Read & Write” telah diadakan di Auditorium, Aras 3 Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat. Ceramah ini telah disampaikan oleh Prof Madya Dr Tutut Herawan, pensyarah dari Universiti Malaya.



Temubual bersama pelajar Alumni FSKTM (Kajiselidik keperluan penambahbaikan Program Sarjana Muda Sains Komputer FSKTM)



BMU FSKTM, 14 Feb 2016. Satu sesi temubual bersama Alumni FSKTM telah diadakan di FSKTM. Temubual ini adalah bagi melaksanakan kajiselidik tentang keperluan



penambahbaikan Program Sarjana Muda Sains Komputer yang ditawarkan di fakulti ini untuk memastikan program-program yang ditawarkan selari dengan kehendak industri dan pasaran semasa.



CPRE-FL Training Course, MSTB



AUDITORIUM FSKTM, 15-17 Feb 2016. Certified Professional Requirement Engineering (CPRE) MSTB telah diadakan selama 3 hari ini melibatkan 50 orang pelajar FSKTM. Di akhir kursus pelajar-pelajar ini dikehendaki menduduki peperiksaan untuk mendapatkan sijil professional untuk menambah nilai akademik para pelajar.

Roadshow PHI (Pejabat Hubungan Industri) ke FSKTM



BMU FSKTM, 16 Feb 2016. Roadshow PHI (Pejabat Hubungan Industri) ke FSKTM telah diadakan. Roadshow ini diadakan bertujuan untuk menerangkan struktur organisasi dan fungsi-fungsi PHI kepada semua PTj.

Taklimat Dan Pendaftaran Kursus Pelajar Baharu Semester II Sesi 2015/2016

PROGRAM MUET MARATON 2016



AUDITORIUM FSKTM, 17 Feb 2016. Seramai 49 orang pelajar lepasan Diploma UTHM telah menghadiri taklimat pelajar baharu ambilan Semester II sesi 2015/2016 yang disampaikan oleh YBhg. Dekan.

Kumpulan ini telah mendaftar ke program Sarjana Muda Teknologi Maklumat (BIT). Pada hari yang sama, satu taklimat bersama Penasihat Akademik (PA) masing-masing dan pendaftaran kursus turut diadakan.



AUDITORIUM FSKTM, 21 Feb 2016. FSKTM telah mengambil langkah mengadakan program MUET Maraton pada 21 Feb 2016 yang lalu bertujuan untuk membantu pelajar membuat persediaan akhir menghadapi peperiksaan MUET yang diadakan pada bulan Mac 2016. Program ini adalah usaha dan kerjasama Ketua Jabatan HEPA & Kelab ITC pelajar FSKTM.

Taklimat iClone 3D Animation Competition 2016

“To Explore Information and Communication Technology Application For The Development Of The Nation”



FSKTM, 25 Feb 2016. FSKTM telah mengundang Mr. Hanz Ong, pakar perisian iClone dari Medianetic Sdn. Bhd. untuk memberikan taklimat berkenaan Asiagraph Reallusion Award 2016: 48 hours Animation Film Live Contest. 2016 merupakan tahun ke-3 penyertaan UTHM ke pertandingan ini yang bakal diadakan di Taiwan. Selain Malaysia, negara-negara lain yang



menyertai pertandingan ini adalah Indonesia, Jepun, Taiwan, Thailand dan Filipina. Taklimat yang diberikan merangkumi prosidur penyertaan, peraturan serta paparan video-video animasi 3D yang telah memenangi pertandingan sebelum ini. Beliau juga berkongsi pengalaman daripada segi teknikal dalam penghasilan penerbitan video animasi 3D yang baik. Seramai lebih kurang 20 orang pelajar

tahun dua, program Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian akan menyertai pertandingan tersebut pada tahun ini. Diharapkan latihan seumpama ini akan memberi nilai tambah kepada pementapan kemahiran dalam kalangan pelajar-pelajar Multimedia FSKTM bagi menghasilkan video animasi 3D yang berkualiti.

ASIAGRAPH REALLUSION AWARD 2015



Video animasi “Seed Of Life” yang dihasilkan oleh pelajar FSKTM, UTHM, <https://www.youtube.com/watch?v=rBJHafa-sUI>



Country :	Malaysia
School :	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Team :	Johncent Studio
Members :	Wong Ying Hong, Oo Yew Beng Keat
Work :	Seed of Life
Work Introduction :	故事靈感來自伊索寓言中的烏鴉與水瓶，農夫和老鷹，農夫的寶藏。人生有許多不可預測的挑戰，時時保持感恩、智慧、辛勤的心態，順利的人生迎接著你。

ASIAGRAPH REALLUSION AWARD 2015 SEED OF LIFE WON BY FSKTM, UTHM.

Disediakan oleh :

En. Azizulzamri Muhamed Amin
Pn. Jamaunah Adnan
Pn. Rafidah Abu Bakar

Penyunting :

Pn. Norfaizah Ismail

Grafik dan susunan :

En. Azizulzamri Muhamed Amin
Jurugambar :
En. Muhammad Nurhisyam Md Ramlil

AJK Laman Web dan Penerbitan FSKTM